

18/11/1997

DUN lulus usul sokong Mahathir

SIDANG Dewan Undangan Negeri (DUN) Pahang hari ini meluluskan usul tergepar untuk menyokong kepemimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam menghadapi usul 34 anggota Kongres Amerika Syarikat (AS) mendesak Perdana Menteri memohon maaf atau meletakkan jawatan kerana dikatakan berpendirian anti Amerika dan Yahudi.

Usul itu juga menyokong usaha Kerajaan Persekutuan dan Dewan Rakyat untuk mengambil tindakan menegakkan kedaulatan negara dan menolak percubaan sebahagian anggota Kongres AS itu campur tangan dalam urusan pentadbiran negara.

Semua 38 Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun), termasuk satu-satunya wakil rakyat pembangkang, Leong Ngah Ngah (Dap-Triang), sebulat suara menyokong usul itu yang dibentangkan oleh Menteri Besar, Tan Sri Mohd Khalil Yaakob.

Leong turut membahaskan usul itu selain Ti Lian Ker (BN-Indera Mahkota), Datuk K K Loke (BN-Ketari) dan Datuk Ibrahim Taib (BN-Sungai Lembing).

Speaker DUN, Datuk Abdullah Kia memberi laluan kepada Mohd Khalil membentangkan usul itu selepas mengambilkira ia perkara khusus, perlu disegerakan dan mempunyai kepentingan ramai.

Ketika membentangkannya, Menteri Besar berkata, DUN Pahang membantah tindakan ahli Kongres AS itu untuk meminta Dr Mahathir memohon maaf atau meletakkan jawatan.

Menurutnya, usaha mereka jelas tidak menghormati kedudukan demokrasi berparlimen negara ini.

"Mereka sebenarnya tidak mengerti dasar luar Malaysia yang sering dilaungkan oleh Dr Mahathir.

"Kerajaan Malaysia sudah menjalin hubungan yang baik dengan kerajaan AS, termasuk dalam bidang perdagangan dan diplomatik," katanya.

(END)